

Mobile Alerts

Soalan Lazim

S1. Apakah Mobile Alerts?

J1. Mobile Alerts ialah ciri Aplikasi HLB Connect yang membolehkan anda menerima peringatan dan pemberitahuan menerusi pemberitahuan tolak dan menyimpannya di dalam peti masuk Aplikasi HLB Connect anda.

S2. Kenapakah saya perlu membolehkan Mobile Alerts pada Aplikasi Connect?

J2. Mobile Alerts membolehkan anda menerima peringatan / pemberitahuan selepas transaksi melalui pemberitahuan tolak Aplikasi HLB Connect dan bukannya SMS. Semua peringatan selepas transaksi anda juga akan disimpan dalam peti masuk Aplikasi HLB Connect, di mana anda kemudian boleh mengaksesnya secara mudah dengan mengetik ikon loceng pada sudut kiri sebelas atas skrin pra log masuk Aplikasi HLB Connect anda.

S3. Apakah yang akan berlaku jika saya tidak memiliki Aplikasi HLB Connect?

J3. Peringatan / pemberitahuan selepas transaksi anda akan dihantar melalui emel.

S4. Apakah yang akan berlaku jika peranti saya tiada sambungan internet?

J4. Dalam situasi ini, anda tidak akan menerima pemberitahuan tolak bagi peringatan/ pemberitahuan selepas transaksi anda. Tetapi, apabila sambungan internet anda diteruskan, anda boleh mendapati peringatan/ pemberitahuan selepas transaksi anda dalam peti masuk aplikasi.

S5. Jika saya ada Aplikasi HLB Connect pada lebih daripada satu peranti, adakah saya perlu membolehkan Mobile Alerts pada semua peranti?

J5. Selepas 24 Oktober 2020, anda secara automatik akan diminta untuk membolehkan Mobile Alerts apabila anda log masuk ke Aplikasi HLB Connect untuk kali pertama. Jika anda telah menghentikannya secara manual, ia akan diaktifkan secara automatik pada aplikasi dalam semua peranti anda.

S6. Jika saya membolehkan Mobile Alerts pada semua lima peranti saya dengan Aplikasi HLB Connect, peranti manakah yang akan menerima peringatan / pemberitahuan selepas transaksi?

J6. Peringatan selepas transaksi akan dihantar kepada kelima-lima peranti dengan Aplikasi HLB Connect jika anda telah membolehkannya pada ke lima-lima peranti.

S7. Adakah saya akan menerima peringatan / pemberitahuan selepas transaksi pada Aplikasi HLB Connect jika saya melaksanakan transaksi melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect?

J7. Ya. Bagi semua transaksi melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Aplikasi HLB Connect, anda akan menerima peringatan selepas transaksi pada Aplikasi HLB Connect.

S8. Adakah TAC saya akan dihantar melalui pemberitahuan tolak?

J8. Tidak. Pemberitahuan TAC anda akan dihantar melalui SMS untuk transaksi perbankan Aplikasi HLB Connect / Perbankan Dalam Talian HLB Connect kepada penerima bukan kegemaran. Walau bagaimanapun, jika transaksi anda berjumlah RM10,000 dan ke atas, anda perlu ada AppAuthorise. Baca lebih lanjut tentang AppAuthorise di: www.hlb.com.my/appauthorise

S9. Bolehkah saya menggunakan alamat e-mel yang sama untuk profil Connect yang berbeza?

J9. Tidak boleh. Satu alamat e-mel yang sah hanya boleh digunakan untuk satu profil Connect.